

CATALYST



Buletin Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP)

Disember 2011 Edisi Ke 5



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

KAMPUS BANDAR

LB
2331
.C37
2011
a
v5

PBL (Peer Learning): Teori
Cooperative Learning
PPP Mengapai Impian
Kalendar Aktiviti Latihan 2012

m.s. 11
m.s. 16
m.s. 18
m.s. 27


Isi Kandungan

LB2331 .C37 2011 v5



87515875

Isi Kandungan, Carta Organisasi, Carta Organisasi	2
Bingkisan Bicara Pengarah	3
Coretan Ketua Editor	3
Sepanjang Tabir 2011	4
PBL (Problem Based Learning): Teori	11
Pengenalan Kepada Pembelajaran Koperatif Secara Tidak Formal	14
Cooperative learning	16
PPP Mengapai Impian	18
Peranan Pembantu Am Pejabat Di PPP UTeM	21
Wanita Sumber Inspirasi	22
Galeri 2011	24
Kalendar Aktiviti Latihan 2012	27



Carta Organisasi
PPP

Sidang
Redaksi

PENGARAH

DR. SYED NAJMUDDIN BIN SYED HASSAN

TIMBALAN PENGARAH

DR. HJH. NORASIKEN BINTI BAKAR

PENOLONG PENDAFTAR

CIK NORAZAH BINTI MOHAMED YAZID

SETIAUSAHA PEJABAT

PN. ERNI SUHADAH BINTI MOD HUSIN

PEMBANTU TADBIR (P/O)

EN. SHAHRIZAN BIN SAM

PN. MARIANA BINTI JELANI

JURUTEKNIK KOMPUTER

EN. MOHAMMAD ISHAM BIN ISHAK

PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)

PN. RADHIAH BINTI ABD. RAHMAN

PEMBANTU AM PEJABAT

EN. ABU BAKAR BIN SALAM

PENASIHAT

DR. SYED NAJMUDDIN BIN SYED HASSAN

KETUA EDITOR

DR. HJH. NORASIKEN BINTI BAKAR

EDITOR

CIK NORAZAH BINTI MOHAMED YAZID

PN. ERNI SUHADAH BINTI MOD HUSIN

PN. MARIANA BINTI JELANI

EN. MOHAMMAD ISHAM BIN ISHAK

PN. RADHIAH BINTI ABD. RAHMAN

PEMBACA PRUF

EN. SHAHRIZAN BIN SAM

JURUGAMBAR

EN. ABU BAKAR BIN SALAM

Assalamualaikum wbt. dan Salam 1Malaysia

Segala puji-pujian bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya dapat saya terus berkongsi matlamat dan harapan dalam Buletin Catalyst PPP bagi Edisi ke 5 sekali lagi.

Kita kini berada di Fasa ke-2 Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang mana Peletakan Asas Melangkaui Tahun 2020. Fasa Ke-2 ialah Fasa Peningkatan dan Pemerkasaan iaitu merupakan agenda transformasi pendidikan bagi pelan tindakan tahun 2011-2015. Subagenda kritikal bagi menyokong pelaksanaan teras PSPTN adalah para 3: Pembelajaran dan Pembelajaran. Seiring dengan hasrat Universiti dalam mencapai tiga sasaran utama seperti yang telah digariskan di dalam *Balanced Score Card* UTeM 2011, PPP menggalas tugas penting dalam memastikan para pensyarah mempertingkatkan inovasi penyampaian pengajaran dan pembelajaran (P&P) menggunakan konsep "Outcome Based Education" atau OBE. Pelbagai gerak kerja dan inisiatif dalam memperbanyak kursus-kursus dan program latihan yang berasaskan OBE serta membuat penambahbaikan ke atas setiap modul kursus merupakan agenda utama PPP bagi memastikan para pensyarah lebih kompeten dan efisien dalam menjalankan tugas sebagai pendidik anak bangsa yang profesional.

Melalui amanat Menteri KPT 2011, yang mana ada disebutkan bahawa Universiti adalah Jantung Bangsa yang berperanan membina tamadun dan kekuatan bangsa. Justeru UTeM dalam kerangka membawa para pensyarah melayari pengalaman pembelajaran dan pengajaran yang unik di UTeM. Matlamat utama UTeM ialah melahirkan profesional berilmu, berteknologi dan bersistem untuk pasaran kerja Malaysia dan global, oleh yang demikian, kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang menginovasi kaedah penyampaian OBE serta mengoptimumkan teknologi dan kemudahan terkini adalah elemen penting yang perlu ada pada setiap pensyarah Universiti ini. Saya berharap melalui latihan / kursus dan pelbagai program ilmiah yang dianjurkan oleh PPP untuk para pensyarah UTeM, sedikit sebanyak dapat membantu mereka mencerap teknik dan kaedah penyampaian terkini dalam pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh para penceramah yang berpengalaman dalam bidang-bidang pendidikan berorientasikan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar yang merangkumi PBL, POPBL, CL dan pelbagai strategi P&P yang lain.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada para penceramah jemputan bagi kursus-kursus / aktiviti / latihan dan program yang telah dianjurkan oleh Pusat Pengajaran dan Pembelajaran kerana sudi berkongsi ilmu, kemahiran dan pengalaman mereka dalam bidang masing-masing untuk dicurahkan kepada semua peserta dari dalam mahupun pihak luar dari UTeM selama ini. Hanya Allah jua yang mampu membalas pengorbanan dan curahan ilmu yang dikongsi bersama.

Akhir kata saya mengharapkan sokongan dari para akademik dan ahli ilmu UTeM untuk sama-sama berinovatif dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran bagi menghasilkan graduan yang tinggi tahap kompetensi dan bersedia untuk menghadapi cabaran teknikal dan suasana kerja yang lebih kompetitif seterusnya membentuk anak bangsa Malaysia yang berkualiti.

Dr. Syed Najmuddin bin Syed Hassan

Ketua Editor

Dr. Hj. Norasiken binti Bakar

Alhamdulillah, segala puji Bagi Allah. Selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan keluarganya serta para pengikutnya.

Alhamdulillah diucapkan sekali lagi kerana berjaya menerbitkan Buletin Catalyst PPP bagi Edisi ke 5. Tahniah juga diucapkan kepada warga PPP yang telah berusaha bersungguh-sungguh bagi menjayakan aktiviti Kalendar PPP 2011. Aktiviti PPP yang dijalankan sepanjang 2011 amatlah membanggakan dan Buletin Catalyst kali ini pula menjadi medium untuk kita sama-sama melakar sejarah dan arkib kepada kejayaan-kejayaan program-program yang telah dilaksanakan oleh PPP.

Pada masa yang sama, Buletin Catalyst ini diterbitkan bagi membantu memperkembangkan ilmu yang bermanfaat untuk dikongsi bersama oleh seluruh warga fakulti dan pusat di UTeM dengan peranan PPP sebagai penjana ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

Buletin Catalyst ini juga memberi peluang kepada penulis muda dari PPP untuk mengasah bakat dan penulis-penulis dari UTeM untuk berkongsi pendapat di samping menunjukkan kepakaran dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

Sekian dahulu, syabas diucapkan kepada Ahli Sidang Redaksi PPP yang sentiasa memberi idea serta kerjasama dalam merealisasikan penerbitan Buletin Catalyst kali ini. Mudah-mudahan, usaha ini diberkati Ilahi dan memberi manfaat kepada kita semua.



Sepanjang Tabir 2011

BENGKEL SISTEM PENGURUSAN E- PEMBELAJARAN (SPEL)



Secara umumnya, skop e-Pembelajaran adalah untuk instruksi P&P yang dikendalikan melalui media elektronik dan sistem rangkaian komputer bertujuan meningkatkan keberkesanan proses pengajaran & pembelajaran. Bengkel ini telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 26 Januari 2011, 2 Mac 2011 dan 20 April 2011.

KURSUS APLIKASI TEKNOLOGI DALAM P&P



Kursus ini menjelaskan tentang penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang merupakan satu keperluan masa kini. Kursus ini akan membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan aplikasi teknologi dalam proses P&P. Para peserta juga akan didedahkan kepada penggunaan beberapa teknologi semasa yang boleh dimanfaatkan dalam menyediakan persekitaran P&P yang lebih aktif dan interaktif. Kursus ini telah diadakan pada 8 Februari 2011 dan dihadiri seramai 31 orang peserta.

COURSE ON SUPERVISION AND GRADUATE RESEARCH PART 2



Kursus ini adalah lanjutan daripada kursus yang telah diadakan pada tahun 2010, di mana kursus ini untuk para penyelia yang terdiri daripada staf akademik UTeM supaya dapat memperolehi panduan penyeliaan yang lebih berkesan untuk diberikan kepada para peserta di bawah seliaannya. Kursus ini telah diadakan pada 9 Februari 2011 dan telah dihadiri seramai 27 orang peserta.

BENKEL PEMBINAAN ITEM UJIAN BERDASARKAN ARAS TAKSONOMI BLOOM

Bengkel ini telah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2011 yang telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Asri bin Selamat dari UTHM dan telah dihadiri seramai 69 orang peserta. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta di dalam pengujian dan ukuran pengajaran serta mendedahkan peserta tentang konsep ketepatan dalam pembinaan ujian dalam konsep Taxonomy Bloom. Peserta juga dapat membina item ujian dan mengendalikan analisis item.



BENKEL PENYEDIAAN E- PORTFOLIO PELAJAR OLEH PENSYARAH



Peserta juga dapat menggunakan elemen multimedia dalam membantu pelajar bagi menghasilkan e-Portfolio Pelajar yang berkesan. Bengkel ini diadakan pada 21-22 Februari 2011 dan disampaikan oleh Dr. Sadiyah binti Baharom dari UPSI.

Bengkel portfolio pelajar adalah untuk mempertingkatkan kualiti dan akauntabiliti pelajar terhadap pencapaian akademik mereka. Ia menggalakkan pelajar melakukan amalan refleksi, pemikiran kritis dan kemahiran penggabungan pengetahuan dan maklumat. Di samping itu, portfolio pelajar juga digunakan sebagai instrumen untuk menilai keberkesanan program akademik yang ditawarkan dan digunakan sebagai bukti pencapaian pelajar seperti yang tercatat dalam spesifikasi program.

BENGGKEL PROBLEM BASED LEARNING (PBL)



Bengkel ini merupakan kaedah pembelajaran yang menggunakan masalah yang relevan serta bermakna sebagai fokus dalam proses pembelajaran. Ianya didapati sesuai digunakan bukan sahaja dalam meningkatkan pembelajaran dan kemahiran pelajar, tetapi juga mampu menyokong kepada pembangunan kemahiran generik seperti kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja dalam pasukan,

kemahiran komunikasi dan sebagainya. Kursus ini memberi pengenalan dan pendedahan asas kepada PBL. Pelbagai model pelaksanaan akan dibandingkan. Perancangan dan pelaksanaan menurut model *Cooperative Problem Based Learning (CPBL)* juga akan diterangkan secara mendalam. Bengkel ini telah diadakan sebanyak 4 kali dan telah dihadiri seramai 113 orang peserta.

BENGGKEL PENULISAN MODUL KE BUKU

Penulisan dan penerbitan adalah sebahagian daripada tugas staf akademik. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menghasilkan sebuah buku ilmiah dengan susunan isi-isi penting mengikut kumpulan sasaran serta menyediakan usulan manuskrip seperti mengenalpasti tujuan menulis buku, kumpulan sasaran dan perancangan strategi pemasaran. Penceramah bengkel ini adalah Prof. Dr. Rozhan bin Mohammed Idrus dari USM dan telah dihadiri seramai 44 orang peserta dari UTeM dan 8 orang peserta dari Kolej RISDA.



BENGGKEL PEMBANGUNAN E-PORTFOLIO PENSYARAH

Bengkel Portfolio ini merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan oleh pensyarah untuk menunjukkan pencapaian pengajaran mereka. Pada masa yang sama, dokumen ini juga boleh digunakan untuk merancang dan melaksanakan pengajaran lebih berkesan dengan amalan portfolio pengajaran serta membantu penilaian untuk pembangunan profesional seseorang pensyarah.



Bengkel ini telah diadakan selama 2 hari iaitu 16 – 17 Mac 2011 dan telah dihadiri seramai 22 orang peserta dari UTeM dan 3 orang peserta dari KPM Ayer Molek.

BENGGKEL CONTINUOUS QUALITY IMPROVEMENT (CQI)



Kursus ini akan membincangkan tentang konsep Pembaikan Kualiti Berterusan (CQI) yang diperlukan dalam pendekatan pendidikan berasaskan hasil (OBE). Kursus ini menekankan tentang kefahaman mengenai CQI, menjelaskan perkara yang hendak diukur dan menerangkan bagaimana data yang diperolehi boleh digunakan untuk tujuan CQI program. Bengkel ini telah disampaikan oleh Prof. Ir. Dr. Abdul Wahab bin

Mohammad dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah diadakan pada 7 April 2011 dan telah dihadiri seramai 36 orang peserta.

KURSUS NEURO LINGUISTIC PROGRAMMING (NLP) DALAM P&P

Kursus ini bertujuan untuk membentuk sistem komunikasi yang tepat lagi berkesan. Program ini dikendalikan sepenuhnya oleh Dr. Azhar bin Sarip yang diiktiraf oleh NFNLP sebagai rakyat Malaysia pertama yang mengupas komunikasi NLP dari sudut gelombang otak secara terperinci disertai kupasan Al-Quran dan Hadis. Dalam program ini juga, peserta akan diajar bagaimana untuk sentiasa duduk

dalam keadaan positif biarpun dalam kemelut masalah. Hasilnya, setiap permasalahan akan lebih jelas kelihatan jalan keluarnya. Selain itu, peserta juga akan dilatih untuk mencapai tahap keyakinan diri yang tinggi dan jalan keluar jika berlakunya perasaan rendah diri atau luntur keyakinan diri. Kursus ini telah diadakan sebanyak 2 kali dan telah dihadiri seramai 77 orang peserta.



KURSUS ASAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN



Kursus ini wajib diikuti oleh semua staf akademik di UTeM. Peserta yang hadir penuh ketiga sesi akan dianugerahkan Sijil Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran serta layak dipertimbangkan bagi tujuan pengesahan jawatan dan kenaikan pangkat. Kursus ini diadakan 2 siri dalam setahun. Selepas berjaya mengikuti kursus ini, para peserta akan menjalani proses Penyeliaan P&P di fakulti masing-masing.

BENGGKEL INFORMAL COOPERATIVE LEARNING

Bengkel ini telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada 31 Mei 2011 dan 26 September 2011 dan telah dihadiri seramai 56 orang peserta dari UTeM dan 1 orang peserta dari USM. Tujuan bengkel ini diadakan membolehkan peserta merangka dan mereka bentuk teknik-teknik pembelajaran koperatif tidak formal semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Peserta juga dapat melaksanakan teknik-teknik dan konsep pembelajaran koperatif tidak formal serta dapat menghuraikan pentingnya pembelajaran aktif dalam bilik kuliah dan makmal.



BENGGKEL FORMAL COOPERATIVE LEARNING

Bengkel ini telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu 1 Jun 2011 dan 27 September 2011 dan telah dihadiri seramai 66 orang peserta dari UTeM dan 1 orang peserta dari USM. Tujuan modul ini direka bentuk bagi membantu para pendidik di UTeM melaksanakan pembelajaran koperatif secara formal. Modul ini akan menerangkan mengenai elemen-elemen, teknik, rubrik penilaian dan bagaimana pelaksanaan pembelajaran koperatif secara formal dilaksanakan.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYA

KURSUS KEMAHIRAN MELAYAN DAN KAUNSELING DALAM P&P

Kursus Kemahiran Melayan berasaskan Kemahiran Kaunseling dalam Proses P & P secara umumnya adalah bertujuan untuk memberi pemahaman konsep tentang pentingnya menguruskan interaksi positif dan berkesan pengajar-pelajar dalam P & P. Kursus ini akan memperkenalkan teknik melayan bermatlamatkan empati dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Peserta akan dapat menguasai kemahiran melayan non-verbal dan verbal. Latihan yang dijalankan berasaskan kepada kesedaran bahawa seseorang pensyarah perlu menyediakan hubungan pengajar-pelajar kondusif dan terapeutik. Kursus ini telah diadakan di Permaisuri Hotel, Port Dickson pada 4 hingga 6 Julai 2011 dan dihadiri seramai 23 orang peserta.



KURSUS PEMANTAPAN PROFESIONALISME PENSYARAH



Kursus ini telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada 18 Ogos 2011 dan 22 September 2011 dan telah dihadiri seramai 50 orang peserta. Tujuan kursus ini bagi membolehkan para akademik menilai tahap integriti ahli akademik. Adalah perlu bagi ahli akademik selaku sarjana mengungguli satu tranformasi minda, etika kerja dan sistem penyampaian P&P bagi mendukung agenda murni tersebut. Kepentingan integriti bukan sekadar

menjadi pemangkin kepada transformasi, namun lebih penting daripada itu, integriti hendaklah dilihat sebagai ukuran kepada kejayaan transformasi itu nanti.

KURSUS MICROTEACHING

Kursus ini bertujuan melatih pensyarah supaya mereka mampu menjalankan proses pengajaran yang berkesan kerana ia bukannya proses yang mudah. Ia memerlukan bentuk latihan yang sistematik dalam aspek teori dan praktikal. Selain itu, latihan mengajar boleh membantu pelatih supaya dapat melaksanakan kerja pensyarah dengan lebih 'profesional'. Bagi menentukan seseorang pensyarah itu dapat mengajar dan supaya pembelajaran berlaku dengan berkesan, pensyarah perlu mempertingkatkan setiap kemahiran yang terlibat. Antaranya cara yang paling berkesan yang boleh digunakan untuk mencapai objektif ini adalah melalui pengajaran mikro. Kursus ini telah diadakan pada 17 Oktober 2011 dan telah dihadiri seramai 22 orang peserta.



EXECUTIVE TALK : OBE IN SCHOLARSHIP OF TEACHING & LEARNING (SoTL)



untuk menghasilkan kesahan maklumat, hasil yang relevan yang boleh digunakan dan dinilai lagi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pengajaran dapat difahami dan dibentangkan sebagai satu bentuk biasiswa yang boleh dibuat melalui penilaian rakan sejawat. Pendedahan kepada para akademik mengenai pengajaran dan pembelajaran, tertakluk kepada penilaian kritikal yang boleh digunakan oleh pelbagai bidang. Biasiswa pengajaran atau SoTL bermula dengan soalan penyelidikan atau masalah dan hasil dengan menggunakan metodologi penyelidikan yang paling sesuai yang boleh digunakan dan dinilai lagi



PERSIDANGAN KEBANGSAAN PPP 2011

The First National Conference on Active Learning (NCAL 2011) dengan tema Active Learning Strategies: Transformation in Educational Innovation.

Tujuan penganjuran *National Conference on Active Learning* (NCAL 2011) ialah untuk berkongsi jawapan dan pandangan kepada persoalan-persoalan yang timbul dalam bidang keilmuan khusus dalam bidang pembelajaran aktif. Sejalan dengan temanya "*Active Learning Strategies: Transformational in Education Innovative*", persidangan yang telah dilaksanakan selama 2 hari ini telah membincangkan pelbagai topik yang merangkumi aspek pengajaran dan pembelajaran termasuklah pembelajaran aktif (*active learning*), pedagogi, reka bentuk (*design*), penyampaian (*delivery*), pentaksiran dan penilaian (*assessment and evaluation*), pendidikan berdasarkan hasil (*Outcome Based Education*), *e-Learning*, *Student Centered Learning* (*SCL*) dan *Problem Based Learning* (*PBL*).

Jawatankuasa Pelaksana Persidangan iaitu Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) UTeM dan *Active Learning Team* serta AJK Conference, di atas komitmen dan kesungguhan untuk menganjurkan persidangan ini yang bukan sahaja menepati sasaran aspek pendidikan negara malah turut menyumbang ke arah penambahbaikan yang berterusan, inovasi dan kecemerlangan akademik terutamanya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penghargaan di atas sokongan padu yang telah diberikan oleh pihak AKEPT, MEIPTA dan MAGNETIC serta semua jabatan, organisasi dari agensi awam mahupun swasta dalam menjayakan persidangan ini.

Antara program yang dijalankan sepanjang dua hari iaitu dari 10-11 Disember 2011 ialah ucap tama dan bengkel daripada empat pembentang iaitu Prof. Tan Onn Seng dari Universiti Nanyang Teknologi (NTU) Singapura, Prof. Dr. Mohamed Amin Embi merupakan Pengerusi Majlis Ketua Penyelaras e-Pembelajaran Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (MEIPTA) yang juga merupakan Timbalan Pengarah e-Pembelajaran di Pusat Pembangunan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Faizah Shahbodin merupakan Timbalan Dekan Akademik, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Prof. Dr. Rozhan M. Idrus dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Seramai lebih kurang 180 orang peserta yang terdiri daripada kalangan ahli akademik, pentadbir dan pelajar seluruh IPT Malaysia telah pun mengikuti persidangan NCAL 2011. Dan sejumlah 32 kertas kerja telah pun dibentangkan di sepanjang persidangan ini berlangsung. Ini merupakan pencapaian yang harus dibanggakan dalam usaha kita untuk memantapkan lagi sistem akademik di UTeM dan pastinya ia akan menyumbang kepada keberhasilan penganjuran persidangan lain yang bakal mengambil tempat di dalam tempoh mendatang. Kertas kerja yang terpilih mutu persembahannya akan dimasukkan ke dalam dua jurnal iaitu *Malaysian Journal of Educational Technology (M.Jet.)* dan *Asean Journal of Teaching & Learning in Higher Education*.

PBL (PROBLEM BASED LEARNING): TEORI

by : Active Learning Team (ALT-PBL), PPP

PM. Dr. Faaizah Shahbodin, Dr. Mohd Fahmi Miskon, Mohamad Riduwan Md Nawawi, Isma Addi Jumbri, Norhaslinda Ismail, Nuzulha Khilwani Ibrahim

1.0 PENGENALAN

Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan permasalahan sebagai stimulus untuk membina kebolehan para pelajar berfikir dan berfokus kepada penglibatan pelajar. Dalam proses mencari penyelesaian terhadap permasalahan tersebut, para pelajar akan melalui beberapa aktiviti pembelajaran dalam PBL yang mana diakhir nanti para pelajar berkebolehan untuk faham dan mengaplikasi pengetahuan yang dipelajari serta menganalisa perkara-perkara yang berkaitan dengan isi kandungan dalam matapelajaran tersebut.

Secara praktikalnya para pelajar diberikan masalah daripada senario sebenar dalam kehidupan dan mereka perlu menghasilkan penyelesaian secara realistik.

Model PBL

Kebanyakan model PBL masih berasaskan perkara yang sama iaitu, mereka bentuk masalah tulen, menyelesaikan masalah, mencari maklumat, belajar secara berkumpulan, dan berkongsi maklumat. Salah satu model yang boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah ialah FILAS (Faaizah, 2007) seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Langkah-langkah dalam FILAS

2.0 REKABENTUK MASALAH

Bagi menghasilkan senario masalah yang baik, terdapat beberapa elemen yang perlu disemak sebelum merekabentuk senario masalah iaitu: bentuk masalah, konteks, sumber serta cara persembahan sesebuah senario masalah seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Semakan reka bentuk senario masalah.

Elemen semakan	Isu semakan
Bentuk masalah	Adakah masalah berbentuk autentik? Adakah masalah memenuhi Hasil Pembelajaran (LO)? Apakah tahap kesukaran masalah? Apakah tahap kompleksiti masalah? Apakah bentuk penilaian yang disediakan? Adakah masalah menggabungkan pelbagai disiplin?
Konteks	Adakah masalah berbentuk <i>ill-structured</i> ? Dapatkah masalah mencetus persoalan? Adakah masalah mencabar minda pelajar? Adakah masalah mampu memotivasikan pelajar? Bagaimana masalah membantu pembelajaran inkuiri?
Sumber maklumat	Apakah sumber maklumat yang diperlukan? Adakah sumber maklumat mudah diakses? Adakah sumber maklumat lengkap dan terkini? Adakah sumber maklumat membantu pembelajaran?
Persembahan masalah	Adakah persembahan memerlukan hiperteks? Adakah perlu menggunakan klip video, keratan akhbar, main peranan (<i>role play</i>) atau simulasi? Adakah laman web yang boleh dirujuk? Adakah persembahan masalah berbentuk linear/bukan linear?

3.0 SOKONGAN PEMBELAJARAN (*SCAFFOLDING*)

Berdasarkan konsep *scaffolding* tenaga pengajar atau lebih dikenali sebagai fasilitator akan memberikan pelbagai bantuan ataupun arahan bagi membantu, memotivasi, mengurangkan kesukaran (*complexity*), memberikan struktur yang jelas dan seterusnya mengurangkan tekanan di kalangan pelajar.

7 Sebab Perlunya *Scaffolding*

- Meningkatkan pencapaian (kefahaman) pelajar
- Menyediakan struktur sokongan dan bantuan kepada pelajar
- Mengurangkan kejutan di kalangan pelajar
- Memastikan pelajar terus komited dalam tugas yang diberikan
- Mengurangkan jurang pencapaian di antara pelajar
- Menggelakkan perbezaan arahan atau keliruan
- Meningkatkan pengembangan sendiri di kalangan pelajar

4.0 PENTAKSIRAN PBL

Pentaksiran adalah proses mengukur dan merekodkan pengetahuan, kemahiran, sikap kepercayaan dan lain-lain. Secara umumnya dalam pembelajaran yang tidak berbentuk pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL), hanya hasil pembelajaran yang diukur. Namun, dalam pembelajaran berkonsep (SCL), nilai-nilai kemahiran insaniah yang wujud dalam proses pembelajaran yang dialami pelajar juga akan dititikberatkan dan diambil kira seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Fokus Pentaksiran PBL.

Pentaksiran terhadap Hasil Pembelajaran	Pencapaian dalam subjek atau topik tertentu dalam matapelajaran
Pentaksiran terhadap Proses Pembelajaran	<ul style="list-style-type: none">✓ Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah (CTPS)✓ Kemahiran berkomunikasi (CS)✓ Kerja berpasukan (sekiranya dijalankan secara berpasukan)✓ Pembelajaran sepanjang hayat (LLL)

Pentaksiran Formatif dan Sumatif

Jadual 3. Pentaksiran formatif dan sumatif.

Jenis Pentaksiran	Formatif	Sumatif
Tujuan secara umum	Mengetahui apa yang pelajar tahu supaya tindakan pembetulan dapat diambil	Memberikan gred
Tujuan khusus untuk PBL	<ol style="list-style-type: none">1. Menilai kebolehan pelajar melaksanakan <i>proses</i> pembelajaran2. Untuk memastikan pelajar mencapai hasil pembelajaran yang betul	<ol style="list-style-type: none">1. Memberi gred untuk tahap sumbangan pelajar dalam kumpulan untuk pemarkahan yang adil2. Mengukur kebolehan proses pembelajaran
Masa dijalankan	Semasa unit pembelajaran masih disampaikan	Selepas unit pembelajaran telah disampaikan
Contoh kaedah pentaksiran PBL	Refleksi, pentaksiran sendiri	Kuiz, Tugas, Ujian, Peperiksaan Akhir, Pentaksiran rakan

CONTOH PELAKSANAAN: Senario Masalah, Role Play, Scaffolding, Templat


Senario Masalah

Rajah 1 menunjukkan contoh skrin antaramuka bagi persembahan senario masalah bagi subjek Tahun 1 di FTMK, Sistem Multimedia. Pelajar akan dipersembahkan senario masalah yang menguji kefahaman mereka tentang teknik pembangunan laman web yang berkesan, mesra pengguna dan memenuhi keperluan pengguna.


Pelajar perlu mengkaji skrin yang diberi dan menilai reka-bentuk skrin tersebut berdasarkan reka letak grafik, susun atur teks dan penggunaan warna. Pelajar perlu mencari maklumat tentang teknik-teknik reka bentuk laman web agar menarik. Di akhir pembelajaran, pelajar perlu mereka bentuk semula laman web agar lebih menarik dan mesra pengguna.

Subjek ini memerlukan pelajar untuk mempelajari kesemua elemen multimedia seperti grafik, teks, audio, animasi dan video. Pelajar perlu mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam mereka bentuk semula laman web yang bermasalah.

Rajah 1: Persembahan senario masalah web



Rajah 2: Penggunaan video




Rajah 2 menunjukkan contoh penggunaan elemen video dalam mempersembahkan senario masalah kepada pelajar. Video ini menggambarkan pelajar yang menerima surat tawaran kerja sebagai pereka grafik diberi tugas untuk mereka bentuk semula laman web yang tidak mesra pengguna.

Rajah 3: Main peranan (Role play)

Role Play


Pelajar juga perlu bermain peranan sebagai seorang pereka bentuk grafik yang mendapat tawaran kerja di syarikat bernama "Creative Design House" dan tugas pertamanya perlu mereka bentuk semula laman web yang tidak mesra pengguna dan tidak memenuhi prinsip antaramuka yang betul. Jadi pelajar perlu memahami prinsip reka bentuk laman web sebelum memulakan tugas ini seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.



Rajah 4: Sumber pembelajaran

Scaffolding

Pelajar disediakan dengan sumber pembelajaran bagi membantu mereka menyelesaikan masalah contohnya nota, tutorial, forum, glosari, dan e-book berkaitan dengan topik pembelajaran mereka seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.





PENGENALAN KEPADA PEMBELAJARAN KOPERATIF SECARA TIDAK FORMAL

P.M Dr. Ir. Abdul Talib bin Din, Ahmad Sadhiqin bin Mohd Isira, Ahmad Sayuthi bin Mohamad Shukor, Norlezhah binti Hashim, Yusmarnita binti Yusop, Siti Huzaimah binti Husin

Pembelajaran koperatif merujuk kepada kaedah pengajaran yang memerlukan murid dari pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai satu matlamat yang sama (Slavin, 1982). Sasaran adalah tahap pembelajaran yang maksimum bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga untuk rakan-rakan yang lain. Lima unsur asas dalam pembelajaran koperatif adalah:

- saling bergantung antara satu sama lain secara positif,
- saling berinteraksi secara bersemuka,
- akauntabiliti individu atas pembelajaran diri sendiri,
- kemahiran koperatif, dan
- pemprosesan kumpulan

Pembelajaran koperatif tidak formal merujuk kepada sesuatu pembelajaran dilakukan dalam bentuk bekerjasama dalam kumpulan kecil tetapi tidak dinilai (*without Assesment*). Ini bermaksud mereka menjalankan kerja berkumpulan hanya untuk menilai mereka secara tidak formal dan tidak berstruktur. Contoh, dalam kumpulan jigsaw, pemilihan untuk ahli kumpulan tidak ditentukan ahli kumpulannya dan mereka berhak memilih ahli kumpulan secara bergilir-gilir. Dari segi penilaian pula, untuk mengetahui samada mereka faham atau sebaliknya, mereka boleh diuji dengan mengadakan kuiz pendek selepas akhir sesi perbincangan ataupun diselang-selikan dengan pembelajaran konvensional.

Ganjaran diberi kepada individu dan kumpulan dalam pelaksanaan kaedah ini. Individu dalam kumpulan dikehendaki menunjukkan kefahaman masing-masing dan memainkan peranan berbeza bergilir-gilir. Kemahiran sosial dan pemprosesan kumpulan digalakkan.

Matlamat utama pembelajaran kooperatif adalah menggalakkan para pelajar untuk berinteraksi dan bekerjasama di antara satu sama lain di dalam kumpulan di mana guru bertindak sebagai fasilitator. Dalam kes yang ideal, semua pelajar akan belajar bagaimana untuk bekerjasama dengan orang lain, bersaing untuk mendapatkan keseronokan dan kepuasan di samping bekerja di dalam kumpulan masing-masing.

Kerjasama didefinisikan sebagai bekerja bersama-sama di dalam satu kumpulan untuk mencapai satu hasil persetujuan semua ahli di dalam kumpulan. Dalam situasi ini, setiap individu dari setiap kumpulan mencari hasil yang memberi manfaat kepada diri sendiri dan memberi manfaat kepada ahli-ahli kumpulan yang lain.

CONTOH PEMBELAJARAN KOOPERATIF BERCORAK PERMAINAN

Dua Kebenaran dan Palsu.

Dua Kebenaran dan Palsu adalah sajenis permainan untuk mengenal pasti salah satu daripada tiga kenyataan yang palsu.

Arahan:
Peserta dipecahkan kepada kumpulan yang kecil (6 - 10 orang). Setiap peserta dikehendaki untuk menyediakan 3 pernyataan yang benar dan 1 pernyataan yang salah mengenai dirinya. Kemudian, peserta dikehendaki berkongsi kesemua pernyataan tersebut di dalam kumpulan. Tugas ahli kumpulan yang lain adalah untuk mengesan pernyataan yang manakah adalah tidak benar. Di akhir permainan, peserta akan menyatakan pernyataan manakah yang palsu.

M & M


Melalui permainan ini peserta dapat mengenali peserta-peserta lain dengan berkongsi pertanyaan berdasarkan warna dan bilangan gula-gula yang diambil.

Arahan:
Tuang M&Ms atau gula-gula berwarna ke dalam mangkuk. Setiap peserta dikehendaki mengambil seberapa banyak gula-gula dan mengikut warna kesukaan mereka. Pastikan tidak ada peserta yang memakan gula-gula mereka.

Untuk setiap gula-gula yang mereka ambil, mereka harus menjawab pertanyaan, bergantung pada warnanya. Sebagai contoh,

- Gula-gula Merah: hobi kegemaran
- Gula-gula Hijau: makanan kegemaran
- Gula-gula Kuning: filem kegemaran
- Gula-gula Oren: kenangan atau saat-saat paling memalukan
- Gula-gula Biru: kad liar (*wild card*): peserta boleh menentukan siapa yang perlu menjawab dan menanyakan soalan yang mereka suka.

Permainan ini juga boleh dibuat melalui jumlah warna yang diambil. Sebagai contoh: jika peserta memilih dua biji gula-gula merah, mereka harus menamakan dua hobi kegemaran mereka. Setelah individu tersebut telah berkongsi kenyataan untuk warna yang diambil, dia kemudian dapat memakan gula-gula mereka. Teruskan untuk aktiviti sampai setiap warna telah berkongsi.



COOPERATIVE LEARNING

P.M Dr. Sazilah binti Salam, P.M Dr. Rabiah binti Ahmad, Dr. Hj. Norasiken binti Bakar, Tajul Ariffin bin Abdullah, Aziz bin Yahya, Suziana binti Ahmad, Azdiana binti Md. Yusop


What is Cooperative learning?

Cooperative learning widely used for learning in classroom where students of all levels of performance work together to achieve their learning's goal.

According to Johnson, Johnson and Holubc, (1994): "Cooperative learning is the instructional use of small groups through which students work together to maximize their own and each others learning. "

Cooperative learning needs that students work together in groups of varying size: initiating, planning, negotiating and evaluating together. This activity gives the opportunity to the students to responsible on their tasks and participates in significant and meaningful ways of learning in a classroom.

WHY USE COOPERATIVE LEARNING?



NLI Institute for Applied Behavioral Science, 300 N. Lee Street, Suite 300, Alexandria, VA 22314 1-800-777-5227

How do students benefit from working in Cooperative Learning?

Cooperative learning is a classroom activity where students work together to accomplish significant cooperative tasks and achieve many social and academic benefits. In cooperative classrooms, the students are likely to attain higher levels of achievement, to increase time on task, to build cross-ethnic friendships, to experience enhanced self-esteem, to build life-long interaction and communications skills, and to master the habits of mind (critical, creative and self-regulated) needed.

What is formal Cooperative Learning?

Formal Cooperative Learning is structured, facilitated and monitored by the educator over time to achieve group's goals in task work. Any course material can be adapted to this type of learning and groups can vary from 2-6 people with discussions lasting from a few minutes up to a period.



A system of providing education which has the student at its heart

Five Essential Elements of Critical Learning

Regarding Brown & Ciuffetelli Parker (2009), there are five essential elements of cooperative learning; positive interdependence, face-to-face interaction, individual and group accountability, interpersonal and small group skills and group processing

(a) **Positive interdependence:**

Students should believe that they can work together in a group by contributing their role in their process of learning. The success of one learner is dependent on the success of the other learners.

(b) **Face-To-Face Interaction :**

By using face-to-face interaction, learning becomes active rather than passive by helping each other, resources, challenging each other's conclusions, providing feedback, encouraging and striving for mutual benefits.

(c) **Individual and Group Accountability:**

Students must feel that they are each accountable for helping to complete a task and for mastering material. Instructors should assess the amount of effort that each member is contributing to the group. These can be done by giving an individual tests/quizzes to each student or randomly calling students to present their group's work.

(d) **Interpersonal and small-group skills :**

These include skills for working together effectively; staying on task, summarizing, recording ideas as well as group maintenance skills and encouraging each other. In addition, the instructors must provide opportunities for group members to know each other, accept and support each other, and resolve differences constructively.

(e) **Group processing:**

Processing means giving students the time and procedures to analyze how well their groups are functioning in classroom. Instructors must also provide opportunities for the class to assess group progress. Group processing enables group to focus on good working relationship, facilitates the learning of cooperative skills and ensures that members receive feedback.



PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN: MENGGAPAI IMPIAN

Dr. Syed Najmuddin bin Syed Hassan

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 November 2004 iaitu sebagai sebuah pusat yang bertanggungjawab dalam memberi latihan kepada staf akademik UTeM. Pusat ini terus berkembang dengan penambahan staf pentadbiran selaras dengan perkembangan dan kemajuan UTeM. Pusat Pengajaran dan Pembelajaran UTeM terdiri daripada sembilan orang staf iaitu Pengarah Pusat, Timbalan Pengarah bersama-sama tujuh orang staf pentadbiran iaitu Penolong Pendaftar, Setiausaha Pejabat, dua orang Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi), seorang Pembantu Tadbir (Kewangan), seorang Juruteknik Komputer dan seorang Pembantu Am Pejabat. Walaupun bilangan staf yang agak sedikit, namun PPP telah berjaya merancang dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti demi memartabatkan sistem penyampaian akademia. Kami percaya bahawa staf akademik yang berke-trampilan atau kompeten dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) akan dapat membentuk pelajar yang cemerlang, bak kata pepatah "bagaimana acuan begitulah kuihnya". Sehubungan dengan itu, kursus-kursus dan bengkel yang dirancang diharap dapat mengupaya para pensyarah untuk menggapai kecemerlangan akademia.

Oleh yang demikian, kalendar tahunan kursus dirancang dan disusun pada hujung tahun sebelumnya berdasarkan keperluan universiti dan analisis keperluan latihan. Kursus-kursus seperti Kursus Asas P&P dan Kursus Kemahiran Insaniah ditawarkan sebagai persediaan asas seseorang pensyarah; manakala, kursus-kursus lain merujuk kepada keperluan semasa. Walaupun begitu, maklum balas dan pandangan Dekan-dekan Fakulti tetap diambil kira untuk menentukan kerelevanan kursus yang ditawarkan serta kesesuaian tarikh. Justeru, Dekan Fakulti telah dijemput untuk sama-sama bermesyuarat pada hujung tahun sebelum dibawa ke peringkat Jawatankuasa Tetap Senat Hal Ehwal Akademik untuk disahkan. Untuk pengetahuan semua, draf pertama kalendar 2012 telah dikeluarkan pada bulan Oktober 2011. Draft ini telah disediakan berdasarkan *Training Needs Analysis* (TNA) yang telah dihantar kepada semua pensyarah UTeM. Saya dalam kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada seramai 104 orang pensyarah yang memberikan kerjasama dalam menjawab soal selidik yang dikemuka. Respon anda membantu TNA yang dibuat dan seterusnya Kalendar Kursus PPP 2012. Pada bulan November, pihak PPP dalam peringkat kedua iaitu bermesyuarat dengan Dekan-dekan untuk menyusun atur program / kursus / bengkel PPP mengikut keperluan fakulti. Sebarang permintaan fakulti untuk kursus yang khusus juga akan dipertimbang dan dibincangkan secara kolektif. Sebagai kesimpulannya, kalendar PPP 2012 (seperti tahun-tahun sebelumnya) akan menjadi milik bersama antara PPP dan fakulti. Kalendar rasmi kursus tahun 2012 hanya akan dikeluarkan dalam bentuk cetakan dan dalam portal PPP selepas kelulusan diterima di peringkat Jawatankuasa Tetap Senat Hal Ehwal Akademik dan dibawa ke pengetahuan Mesyuarat Senat.

Kursus-kursus yang dianjurkan oleh PPP sehingga Oktober 2011 telah berjalan dengan baik sekali. Sambutan staf akademik dari semua fakulti adalah amat baik dan tahniah diucapkan kepada semua. Untuk mengetahui prestasi kehadiran staf berdasarkan fakulti, sila lihat di Lampiran 1. Secara keseluruhannya, para peserta yang menghadiri kursus-kursus di PPP mengakui tentang penambahan ilmu dan kemahiran yang mereka perolehi. Begitu juga dengan prasarana yang disediakan termasuk makanan yang disediakan adalah di peringkat yang cukup baik. Penceramah-penceramah kursus juga tidak menghampakan kerana peserta kursus telah memberi penilaian atau *rating* yang amat memuaskan iaitu 4 atau 5. Penceramah-penceramah ini dijemput daripada UTeM dan juga di luar UTeM yang mana mereka ini pihak PPP memikirkan boleh menyumbang kepada perkembangan kecemerlangan sistem penyampaian P&P pensyarah. Penceramah luar dirasakan lebih mendapat tempat di hati pensyarah UTeM berbanding penceramah dalaman. Ini mungkin disebabkan oleh keinginan peserta kursus untuk mendapat kelainan atau variasi dalam pengetahuan dan kemahiran. Walaupun begitu, penceramah dalaman juga berperanan kerana mereka lebih maklum tentang kelebihan dan kekurangan UTeM sendiri dan mampu mengolah bahan kursus mengikut keperluan semasa UTeM.

Sehubungan dengan itu, PPP telah membentuk beberapa kumpulan pakar berdasarkan kursus tertentu supaya akhirnya mereka juga boleh menyumbang di dalam dan luar UTeM. Antara kumpulan pakar yang berjaya dibentuk adalah penceramah-penceramah Kursus Asas P&P yang membina modul mereka sendiri yang sebahagiannya telah dicetak dan sebahagian lagi masih dalam proses penerbitan. Satu lagi kumpulan yang dibentuk adalah Jawatankuasa Penyeliaan P&P di peringkat fakulti yang membantu PPP dalam memantau kebolehan pensyarah baru mengajar dalam kelas. Mereka ini boleh menjadi mentor yang membimbing pensyarah baru dalam pedagogi dan strategi P&P yang baik. Kumpulan ketiga adalah *Active Learning Team (ALT)* yang ditubuhkan untuk membantu PPP dalam memberikan latihan dan khidmat nasihat kepada staf akademik dalam kursus *Outcome Based Education (OBE)* khususnya dalam *Informal Cooperative Learning* dan *Formal Cooperative Learning*. Kumpulan ini telah menyiapkan beberapa modul khusus untuk melatih staf akademik yang berminat menghadiri kursus di PPP.





Harapan PPP

Sebagai sebuah pusat tanggungjawab yang diberi tugas membangunkan potensi staf akademik dalam P&P, maka PPP telah diberi arahan yang jelas oleh Y. Bhg Prof. Datuk Naib Canselor supaya memfokus kepada aspek P&P seperti pedagogi, OBE, integriti akademia, amalan terbaik P&P dan yang berkaitan. Oleh yang demikian, kami perlu memilih kursus-kursus yang memberi impak yang besar kepada pensyarah. Y. Bhg Prof. Datuk NC menekankan kualiti dan bukan lagi kuantiti kursus yang dianjurkan. Pada masa yang sama, beliau mengharapkan agar peserta yang menghadiri kursus menumpukan perhatian dan masa kepada kursus yang dihadiri dan tidak menjalankan tugas-tugas fakulti semasa berkursus. Beliau juga memberi keutamaan kepada latihan / kursus kemahiran yang staf akademik perlukan supaya penyampaian P&P adalah terbaik. Justeru, beliau telah beberapa kali dalam perbincangan yang berbeza menekankan kewajipan peserta menghadiri sepenuhnya kursus / bengkel / program yang dianjurkan. Ketidakhadiran peserta adalah isu yang serius yang beliau sendiri akan memanjangkan kepada Dekan untuk dibuat tindakan lanjut.

Kami juga dalam peringkat terakhir membangunkan satu Sistem Latihan PPP dengan kerjasama Pusat Komputer. Idea ini telah mula diutarakan oleh mantan Pengarah PPP yang pertama Prof. Dr. Zolkepli bin Buang pada 2007 dan kemudian oleh mantan Pengarah PPP yang kedua Prof. Madya Dr. Hanipah binti Hussin pada tahun berikutnya. Sistem ini membolehkan staf akademik menempah kursus sepanjang tahun 2012 (sekiranya telah beroperasi) dan dapat menyusun jadual kerja agar tidak lagi bertindih dengan aktiviti fakulti. Pada masa yang sama, pihak fakulti terutamanya Dekan dan Timbalan Dekan dapat menyusun atau merangka aktiviti tanpa melibatkan staf akademik yang telah diluluskan oleh fakulti untuk berkursus. Pihak PPP pula dapat menjalankan kursus tanpa gangguan oleh peserta kursus yang tidak menghadiri sepenuhnya kursus yang berkaitan.

Akhir kata, PPP komited dalam membuat penambahbaikan pada aspek-aspek yang dilihat boleh ditingkatkan bagi kepentingan pemegang taruh iaitu staf akademik yang menjadi pelanggan utama kami. Justeru, kami dengan tangan terbuka dan berlapang dada menerima sebarang pandangan dan cadangan ikhlas yang membantu ke arah tersebut. Sesungguhnya "Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat" dan sila beri teguran dan kritikan membina kepada PPP apabila perlu sebagaimana ayat dalam surah al-Asr "Berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran."

Lampiran 1: Bilangan Peserta Kursus Mengikut Fakulti





PERANAN PEMBANTU AM PEJABAT DI PPP, UTeM

Disediakan oleh : Abu Bakar Salam

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) UTeM berperanan untuk mengendalikan program latihan berkualiti bagi melahirkan tenaga akademik yang professional dan berilmu pengetahuan yang terkini dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di UTeM.

Semua staf di PPP mempunyai peranan masing-masing bagi memastikan visi dan misi PPP dicapai dengan jayanya. Justeru itu, Pembantu Am Pejabat juga berperanan membantu PPP semasa mengendalikan kursus atau bengkel untuk staf akademik. Berikut merupakan senarai tugas pembantu am pejabat semasa sesuatu kursus hendak dijalankan di PPP mengikut turutan iaitu :-

1. Terima surat senarai peserta kursus dari Pembantu Tadbir.
2. Membuat salinan surat untuk disimpan di dalam fail kursus oleh Pembantu Tadbir.
3. Merekodkan surat asal dengan butir-butir seperti :
 - i. Tarikh surat keluar
 - ii. Nama penerima
 - iii. Nama Fakulti atau Pusat
 - iv. No. Rujukan
4. Asingkan surat mengikut fakulti atau pusat.
5. Edarkan surat mengikut fakulti atau pusat di dalam *pigeon hole* di UTeM Kampus Induk.
6. Menerima satu cetakan bahan kursus dari Pembantu Tadbir atau Penolong Pendaftar.
7. Membuat salinan bahan kursus mengikut bilangan peserta.
8. Menyediakan fail kursus untuk setiap peserta dengan memasukkan tentatif program, bahan dan borang soal selidik keberkesanan kursus.
9. Menyediakan kelengkapan gula-gula dan air mineral untuk peserta semasa kursus sedang berjalan.
10. Membantu Juruteknik Komputer untuk merakam video dan mengambil gambar sepanjang kursus dijalankan.
11. Membantu menyediakan *flip chart*, kertas mahjong dan *marker pen* untuk perbentangan peserta kursus.

Artikel ini hanya menceritakan mengenai satu skop bidang tugas Pembantu Am Pejabat sahaja, dengan kerjasama yang telah diberikan membuatkan sesuatu program di PPP dapat dilaksanakan dengan jayanya bak kata pepatah berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, yang penting *enjoy*.

WANITA SUMBER INSPIRASI

Disediakan oleh: Norazah Mohamed Yazid & Mariana Jelani



Pengaruh dan penglibatan wanita dalam membangunkan masyarakat dan Negara tidak boleh dipandang sebelah mata. Peranan kaum hawa ini merupakan satu usaha positif untuk mencapai tahap lebih tinggi berdasarkan konsep pembangunan bersepadu iaitu dari aspek fizikal dan mental setanding dengan kaum adam. Malah, penglibatan dan kejayaan wanita telah mendapat pengiktirafan dunia dalam pelbagai bidang seperti bidang politik, kesusasteraan, seni, pembangunan, sukan, sosial dan kemasyarakatan. Dari sudut pandangan Islam juga tidak menghalang wanita terlibat dengan aktiviti sebegini kerana ianya merupakan suatu ibadah selagi dilakukan dengan niat yang ikhlas dan tidak tersasar dari landasan dan peraturan Islam.

Jika diimbaz kembali wanita pada suatu ketika dahulu hanyalah merupakan suri rumah yang memainkan peranan tradisi sebagai ibu dan isteri dalam sesebuah keluarga. Dengan perubahan masa dan arus pemodenan, wanita telah menceburi dunia kerjaya, bersama-sama kaum lelaki berjuang untuk membangunkan Negara dan masyarakat. Semenjak 40 tahun yang lalu, wanita telah mencapai satu kemajuan mengagumkan dalam sektor pekerjaan di Malaysia. Bilangan wanita menyertai dunia pekerjaan meningkat dari tahun ke tahun. Mereka juga bukan lagi kaum yang berada di bawah dominasi kaum lelaki.

Perubahan sosial dan keperluan ekonomi yang tinggi juga merupakan antara faktor penglibatan wanita dalam pekerjaan formal dan pembangunan masyarakat. Hal ini juga tidak membebaskan mereka daripada tanggungjawab terhadap keluarga. Betapa tinggi pun pangkat mereka, wanita perlu menjalankan tugas tradisi iaitu berperanan sebagai isteri kepada suaminya dan ibu kepada anak-anaknya. Senario ini menunjukkan bahawa wanita memegang 3 peranan sekaligus. Wanita perlu pandai mengimbangi peranan dengan bijak dan berkualiti.

Wanita, adalah inspirasi dunia. Banyak karya yang terinspirasi dari pesona wanita, dan banyak kejayaan lelaki yang disokong oleh kekuatan wanita. Melahirkan sebuah generasi yang berjaya juga adalah hasil didikan seorang ibu bernama wanita dengan seluruh kasih sayang dan keikhlasan yang dicurahkan. Ternyata golongan wanita hari ini telah meratai peranan mereka sebagai pendokong dan penggerak kepada kemajuan negara tanpa melupakan peranan mereka sebagai isteri dan ibu.

Antara tokoh dunia yang terkenal dalam bidang politik dan pemerintahan ialah Cleopatra, Boudicca, Hildegard dari Bingen, Eleanor dari Aquitaine, Catherine de Medici, Elizabeth I, Catherine yang Agung, Eleanor Roosevelt, Megawati Sukarnoputri, Benazir Bhuto, Jiang Qing, Rosa Luxemburg, Ratu Victoria, dan Emmeline Pankhurst. Sementara itu, tokoh wanita dunia yang popular sebagai aktivis ialah Eleanor Roosevelt yang merupakan seorang aktivis dunia, Rosa Parks adalah simbol gerakan hak-hak sivil di Amerika Syarikat, Mairead Corrigan dan Betty Williams merupakan pejuang perdamaian. Selain itu, ada pula Puteri Diana sebagai patron kegiatan amal dan Mother Teresa yang menjadi misionaris bagi kaum miskin dan melarat di dunia.



Dalam bidang sains, tokoh yang terkenal ialah Dorothy Hodgkin dan Marie Curie. Dorothy Hodgkin merupakan peraih hadiah nobel dan menghasilkan masalah antibiotik, perintis kristalografi, pendukung pelucutan senjata serta ahli hubungan antarabangsa. Sementara itu, Marie Curie pula merupakan pemenang hadiah nobel kerana menemukan radium dan pencipta aplikasi teknologi sinar X. Tambahan lagi, dalam bidang perniagaan dan sains, Helena Rubinstein merupakan ahli kosmetik dunia sekaligus pendiri kerajaan kosmetik di dunia.

Di Malaysia pula, antara tokoh wanita yang disegani ialah Zetty Akhtar Aziz. Beliau merupakan wanita pertama di Malaysia yang dilantik sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia dan juga wanita pertama menjadi Gabenor Bank Pusat di Rantau Asia. Selain itu, Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir telah mencatat rekod sebagai wanita Islam dan Asia pertama di dunia merentasi Kutub Selatan pada 2004. Dalam bidang astrofizik pula, Datuk Dr. Mazlan Othman pernah dilantik sebagai wanita kedua di dunia yang memegang jawatan sebagai Pengarah Hal Ehwal Angkasa Lepas PPB di Vienna, Austria pada tahun 1999-2002. Beliau juga merupakan wanita pertama yang membuat pengkhususan dalam bidang astrofizik. Dalam bidang sukan pula, pemain skuasy kebangsaan Datuk Nicol Ann David telah mengharumkan nama Negara dengan menempatkan diri sebagai wanita Asia pertama yang menduduki tangga nombor satu dunia dalam sukan skuasy dunia.

Dalam bidang seni dan hiburan Dato' Siti Nurhaliza binti Tarudin seorang penyanyi dan seorang ahli perniagaan terhandal di Malaysia. Beliau mengungguli 'Richest Artistes' di Malaysia, selain menerima lebih 100 anugerah tempatan dan antarabangsa, beliau juga menerima gelaran *The Voice Of Asia* pada tahun 2005. Kejayaan tokoh-tokoh wanita ini mampu menjadi ikon kepada generasi yang akan datang. Pencapaian yang mereka miliki telah membuktikan kebolehan mereka setanding dengan kaum lelaki.

Ternyata wanita merupakan agen yang sangat berperanan dalam kemajuan bangsa dan negara. Kecekalan dan ketabahan seorang wanita di sebalik kelembutan dan kehalusan budi mampu menggoncang dunia.

Galeri 2011




Lawatan Kerja Ke Pusat Pembangunan Akademik (CADe), UPM



Program Khidmat Masyarakat Bersama SMK Tinggi Perempuan Melaka

Lawatan Kerja



Pengarah PPP ke Jerman

- Fachschule Hannover University of Applied Sciences
- Hochschule Landshut University of Applied Sciences
- Hochschule Rosenheim University of Applied Sciences



Active Learning Team(ALT), PPP ke Nanyang Technological University (NTU), Singapore



Active Learning Team(ALT), PPP ke Republic Polytechnic, Singapore



Jamuan Hari Raya UTeM

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran



SUKUM KE 36

Ahli Jawatankuasa Hadiah & Cenderamata



Hari Keluarga PPP

Pertandingan Bowling 2011

KALENDAR AKTIVITI LATIHAN 2012

PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Month	Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
Jan 2012	1 New Year's Day	2 New Year's Day observed	3 Final Exam Degree	4	5	6	7
	8	9	10	11	12	13	14
	15	16	17 Last Exam Degree	18 Cuti Semester Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran Bil. 1/2012 (Siri 1)	19 Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran Bil. 1/2012 (Siri 1))	20	21
	22	23 Chinese Lunar New Year's Day	24 Chinese Lunar New Year's Day	25	26	27	28
	29	30 Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran Bil. 1/2012 (Siri 2)	31 Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran Bil. 1/2012 (Siri 2)				

Month	Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
Feb 2012				1 Executive Talk: Best Teaching Practices In Engineering Education	2 Bengkel Penyelaan P&P	3	4
	5 The Prophet Muhammad's Birthday	6	7 Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran Bil. 1/2012 (Siri 3)	8 Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran Bil. 1/2012 (Siri 3)	9 Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran Bil. 1/2012 (Siri 3)	10	11
	12	13 Bengkel Informal Cooperative Learning	14 Bengkel Formal Cooperative Learning	15 Bengkel Problem Based Learning	16 Kursus Penyelaan Pelajar Diploma dan Ijazah	17	18
	19 Cuti Semester	20	21	22	23	24	25
	26	27	28	29			

Month	Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
Mar 2012					1	2	3
	4	5	6	7	8	9	10
	11	12	13	14	15	16	17
	18	19 Final Exam Diploma	20	21	22	23 Kursus Neuro Linguistic Programming (NLP) dalam P&P	24 Kursus Neuro Linguistic Programming (NLP) dalam P&P
	25 Kursus Neuro Linguistic Programming (NLP) dalam P&P	26	27	28	29	30	31

Month	Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
Apr 2012	1 Last Exam Diploma	2 Cuti Semester	3	4	5	6	7
	8	9	10	11 Executive Talk: Development of High Performing Academics	12	13	14
	15 Melaka Bersejarah	16	17	18	19	20	21
	22	23 Kursus Kaedah Kuliah Interaktif	24	25 Kursus Etika Akademik dan Integriti	26	27	28
	29	30					

Month	Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
May 2012			1 Labour Day	2	3	4 Kursus Pengukuhan Jati Diri Insan Dinamik	5 Kursus Pengukuhan Jati Diri Insan Dinamik
	6 Kursus Pengukuhan Jati Diri Insan Dinamik	7	8	9 Executive Talk: Teaching & Learning Technology	10	11	12
	13	14 Kursus Kesarjanaan dalam P&P	15	16	17	18	19
	20	21 Kursus Kaedah Kuliah Interaktif	22	23 Bengkel Pembinaan Item Ujian Berdasarkan Aras Taksonomi Bloom	24 Bengkel Pembinaan Item Ujian Berdasarkan Aras Taksonomi Bloom	25	26
	27	28 Kursus Bahasa Inggeris untuk Pengajaran Berkesan	29	30 Kursus Pembelajaran Berasaskan Projek	31		

KALENDAR AKTIVITI LATIHAN 2012

PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Month	Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
Jun 2012						1	2 The Yang di-Pertuan Agong's Birthday
	3	4	5 Wacana Intelek: Pembangunan Ahli Akademik yang Dinamik dan Berketrampilan	6	7	8	9
	10 Cuti Semester	11 Final Exam Degree	12	13	14	15	16
	17 Israk Mikraj	18	19	20	21	22	23 Final Exam Degree
	24	25 Cuti Semester	26 Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran Bil. 2/2012 (Siri 1)	27 Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran Bil. 2/2012 (Siri 1)	28	29 Kursus Neuro Linguistic Programming (NLP) dalam P&P	30 Kursus Neuro Linguistic Programming (NLP) dalam P&P
	Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
Jul 2012	1 Kursus Neuro Linguistic Programming (NLP) dalam P&P	2	3 Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran Bil. 2/2012 (Siri 2)	4 Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran Bil. 2/2012 (Siri 2)	5	6	7
	8	9 Bengkel Teknik Menyoal Pelajar	10 Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran Bil. 2/2012 (Siri 3)	11 Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran Bil. 2/2012 (Siri 3)	12 Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran Bil. 2/2012 (Siri 3)	13	14
	15	16	17 Kursus Kaunseling dalam P&P	18 Kursus Kaunseling dalam P&P	19	20	21 Awal Ramadhan
	22	23	24 Kursus Kaedah Kuliah Interaktif	25 Coaching of Lecturers	26	27	28
	29	30	31				
Month	Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
Aug 2012				1 Kursus Etika Akademik dan Integriti	2	3	4
	5	6	7 Kursus Penyediaan Pelajar Diploma dan Ijazah	8	9 Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Berkesan	10	11
	12	13	14	15	16	17	18
	19 Hari Raya Puasa Day 1	20 Hari Raya Puasa Day 2	21	22	23	24	25
	26	27	28 Bengkel Informal Cooperative Learning	29 Bengkel Formal Cooperative Learning	30 Bengkel Problem Based Learning	31 National Day	
	Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
Sep 2012							1
	2	3	4	5	6	7	8
	9 Last Cuti Sem Degree	10	11	12	13	14	15
	16 Malaysia Day	17	18	19	20	21	22
	23	24	25	26	27	28 Kursus Pengukuhan Jati Diri Insan Dinamik	29 Kursus Pengukuhan Jati Diri Insan Dinamik
30 Kursus Pengukuhan Jati Diri Insan Dinamik							
Month	Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
Oct 2012		1	2	3	4	5	6
	7	8	9	10	11	12	13 NCAL 2012
	14 NCAL 2012	15	16	17	18	19	20
	21	22	23	24	25	26 Hari Raya Haji	27
	28	29	30	31			

* Semua tarikh tertakluk pada perubahan. * Penyertaan dibuka untuk semua ahli akademik.

* Sebarang pertanyaan sila hubungi : **PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PPP)**
UNIVERSITI TEKNIKA MALAYSIA MELAKA
 Hang Tuah Jaya,
 76100 Durian Tunggal,
 Melaka.
 Tel : 06 283 3449 / 3491 Faks : 06 283 3493
 Website : www.utem.edu.my/ppp
 Email : ppp@utem.edu.my